

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : ISU HUTAN BUKIT CERAKAH

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan kawasan hutan Bukit Cerakah di Shah Alam terus dipertahankan dan dipelihara?
- b) Apakah wujud rancangan pembangunan komersial melibatkan syarikat swasta atau syarikat berkaitan Kerajaan Negeri membabitkan kawasan hutan Bukit Cerakah?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) sentiasa komited dalam memastikan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) Bukit Cherakah terus dipertahankan dan dipelihara bagi memastikan pengurusan sumber hutan secara berkekalan khususnya di HSK Bukit Cherakah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. JPNS tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu ataupun pihak yang didapati telah melakukan kesalahan seperti menceroboh kawasan HSK Bukit Cherakah yang mana pihak berkenaan akan dihukum sewajarnya mengikut mana-mana seksyen yang berkaitan seperti yang diperuntukkan di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara1985 dan Kaedah-Kaedah Hutan Selangor.

Dari tahun 2015 hingga tahun 2018, terdapat tiga (3) kes kesalahan hutan yang telah berjaya dikesan oleh JPNS melibatkan kesalahan pencerobohan hutan dan penebangan pokok secara haram. Berikut adalah kes kesalahan hutan yang telah direkodkan oleh JPNS dari tahun 2015 – 2018 :

Bil.	Tarikh	Kesalahan	Lokasi	OKT	Keputusan
1.	18.09.2015	Menebang pokok secara haram	Kompt. 14 HSK Bukit Cherakah	1.Jamaludin 2.Ahma d Fadil 3.Azhar Bin Sabidin	OKT telah dituduh di Mahkam ah Majestrit

				4.Kamarul Baharin Bin Kamaru ddin 5.Mohd Sa'at bin Wahid	Shah Alam pada 06.10.20 15 dan dijatuhka n hukuman denda sebanya k RM21,00 0.
2.	16.02.2017	Menceroboh hutan simpan	Kompt. 14 HSK Bukit Cherak ah	1.Gan Chai Ek	Kertas siasatan telah ditutup/ <i>No Further Action (NFA)</i> kerana tiada bukti OKT melakuk an aktiviti pencerob ohan hutan.
3.	01.09.2018	Menceroboh hutan simpan	Kompt. 14 HSK Bukit Cherak ah	1.Norman bin Azid	Kertas siasatan telah ditutup/ <i>No Further Action (NFA)</i> kerana tiada

					bukti OKT melakukan aktiviti pencerobohan hutan.
--	--	--	--	--	--------------------------------------------------------------

Selain daripada itu, JPNS turut melaksanakan kaedah pemantauan, kawalan dan penguatkuasaan hutan melalui pendekatan seperti berikut :

i. Rondaan Berkala

JPNS menjalankan rondaan secara berkala di sepanjang sempadan luar dan dalam HSK Bukit Cherakah. Tumpuan khusus sentiasa diberikan terhadap kawasan-kawasan yang berhampiran dengan penempatan dan aktiviti orang awam seperti di Taman Bukit Bayu yang berhampiran HSK Bukit Cherakah.

ii. Pemantauan melalui Imej Satelit

Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dengan kerjasama Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) telah membangunkan sistem yang dikenali sebagai Sistem e-Geospatial Perhutanan (e-GP) dan ‘Forest Monitoring Using Remote Sensing’ (FMRS). Dalam sistem ini, pemantauan kawasan ‘hot-spots’ dan sebarang aktiviti pencerobohan hutan akan dikesan melalui perubahan imej satelit. Sistem ini berfungsi untuk memantau aktiviti hutan secara makro dan mikro secara cepat dan efisien dengan menggunakan imej satelit beresolusi tinggi dan terkini.

iii. Drone

JPNS turut tidak ketinggalan mengaplikasikan teknologi di dalam aspek penguatkuasaan hutan dengan menjalankan pemantauan udara dengan menggunakan drone dari jenis *Dji Phantom 4* untuk menjalankan pemantauan di dalam HSK Bukit Cherakah.

iv. Aduan Awam

JPNS menerima maklumat daripada pelbagai sumber termasuklah media sosial seperti facebook, e-mel, telefon, surat dan lain-lain lagi bagi membantu pihak jabatan untuk membuat pengesahan awal aktiviti pencerobohan di HSK Bukit Cherakah. Dua (2) daripada tiga (3) kes yang dikesan dari tahun 2015 – 2018 adalah melalui aduan daripada penduduk setempat berkaitan aktiviti pencerobohan hutan.

v. Papan Tanda HSK

JPNS akan memasang papan tanda larangan memasuki HSK Bukit Cherakah terutamanya di kawasan-kawasan yang berisiko berlaku pencerobohan baru.

vi. Pengukuran dan Penandaan Sempadan HSK

Oleh kerana lokasi HSK Bukit Cherakah berhampiran dengan kawasan dengan penempatan dan aktiviti orang awam, JPNS sentiasa mengemaskini maklumat pengukuran dan penandaan sempadan HSK Bukit Cherakah bagi mengelakkan berlakunya pencerobohan hutan.

- b) Sehingga kini, JPNS tidak mempunyai sebarang rancangan pembangunan komersial melibatkan syarikat swasta atau syarikat berkaitan Kerajaan Negeri membabitkan kawasan HSK Bukit Cherakah. Tiada sebarang kebenaran yang diberikan oleh JPNS kepada mana-mana individu mahu pun syarikat swasta atau syarikat berkaitan Kerajaan Negeri untuk menjalankan sebarang aktiviti di dalam HSK Bukit Cherakah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

TAJUK : PEKERJA KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD (KDEBWM)

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan peratusan pekerja warga asing yang berkhidmat dengan KDEBWM dan kontraktor-kontraktornya secara terperinci.
- b) Nyatakan masalah-masalah yang dihadapi oleh KDEBWM dan kontraktor-kontraktornya untuk mengambil pekerja tempatan terutamanya golongan B40 secara terperinci.

JAWAPAN:

- a) Soalan ini adalah melibatkan dua konteks yang berbeza. Dalam konteks KDEBWM yang sehingga kini memiliki seramai 291 pekerja, semua kakitangan yang dilantik oleh adalah **seratus peratus warga tempatan**. Bilangan pekerja teramai adalah Penyelia Kawasan iaitu seramai 214 orang atau bersamaan sebanyak 74 peratus dari keseluruhan jumlah kakitangan KDEBWM dan kesemua mereka ini adalah dikalangan golongan B40.

Dalam konteks sub-kontraktor KDEBWM pula, sehingga kini jumlah krew yang ada dianggarkan seramai 975 orang bagi kutipan sisa pepejal domestik manakala untuk pembersihan awam pula, jumlah krew yang adalah seramai 6,156 orang. Secara kasarnya dianggarkan peratusan krew warga asing untuk kutipan sisa pepejal domestik dan pembersihan awam di kesemua 11 kawasan PBT yang diuruskan oleh KDEBWM adalah sebanyak 80% manakala baki 20% lagi adalah warga tempatan.

- b) Di dalam syarat tender, KDEBWM mensyaratkan supaya semua sub-kontraktor menggunakan perkhidmatan pemandu warga tempatan yang memiliki lesen memandu yang sah manakala untuk krew pula, sub-kontraktor boleh menggunakan perkhidmatan warga tempatan atau warga asing yang memiliki permit yang sah.

KDEBWM dan juga pihak sub-kontraktor secara umumnya tidak memiliki sebarang masalah untuk menerima bekerja mana-mana warga tempatan khususnya golongan B40 yang berminat untuk berkhidmat di dalam sektor pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Walaubagaimana, realiti sebenar adalah permohonan daripada warga tempatan khususnya golongan B40 untuk berkhidmat di dalam industri 3D – *Difficult, Dangerous, Dirty* ini adalah amat rendah. Atas sebab ini, bagi memastikan operasi kerja-kerja kutipan sisa pepejal domestik dan pembersihan awam ini terus berjalan setiap hari, pihak sub-kontraktor KDEBWM tiada pilihan selain terpaksa menggunakan khidmat warga asing.

Dalam masa yang sama, terdapat juga sub-kontraktor KDEBWM yang menggunakan tenaga kerja warga tempatan khususnya orang asli dan juga bangsa-bangsa yang lain. Walaubagaimanapun, berdasarkan maklumat dan pemerhatian yang telah dibuat, kebanyakan sub-kontraktor KDEBWM yang menggunakan khidmat pekerja warga tempatan ini akan mengalami masalah *high attrition rate* atau kadar pekerja berhenti yang tinggi kerana kebanyakkan mereka tidak dapat memberikan komitmen sepenuhnya untuk berkhidmat bermula seawal pagi dalam keadaan berpanas dan berhujan selain bau yang kurang menyenangkan.

Ada pendapat yang mengatakan bahawa golongan B40 warga tempatan tidak berminat untuk bekerja di dalam industri sisa pepejal dan pembersihan awam ini kerana faktor gaji yang rendah. Walaubagaimanapun, pendapat ini disangkal oleh Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), yang telah mengeluarkan kenyataan melalui akhbar Kosmo bertarikh 17 Jun 2018 mengatakan bahawa faktor utama mengapa golongan B40 warga tempatan ini kurang berminat untuk bekerja di dalam industri 3D ini adalah disebabkan oleh stigma masyarakat tempatan sendiri yang melihat bahawa industri 3D ini sebagai bidang yang tidak mempunyai taraf sosial yang tinggi di mata masyarakat atau dalam erti kata lain tidak menjamin masa depan yang cerah selain sikap warga tempatan sendiri yang suka memilih kerja.

Menurut Pengarah Eksekutif MEF itu lagi, pengambilan tenaga kerja asing sebenarnya terpaksa dilakukan sebagai langkah terakhir apabila usaha untuk mendapatkan khidmat tenaga kerja warga tempatan tidak mendapat sambutan.

Pendapat bahawa pengambilan tenaga kerja warga asing adalah atas faktor kos yang lebih murah juga sebenarnya adalah kurang tepat kerana pengambilan tenaga kerja asing yang sah sebenarnya adalah lebih mahal dan ini adalah hakikat yang ditanggung oleh majikan terutamanya apabila pengambilan tersebut dibuat melalui ejen-ejen yang dilantik.

Tanpa bermiat untuk memperlekehkan tenaga kerja warga tempatan, tinjauan yang dibuat secara umum mendapati bahawa kebanyakan tenaga kerja warga asing juga mempunyai sikap positif terhadap kerja, jarang mengambil cuti sakit atau ponteng kerja dan bersedia membuat kerja lebih masa apabila diminta. Ini adalah sebahagian daripada ciri-ciri positif yang ada pada tenaga kerja asing yang seharusnya dicontohi oleh rakyat negara ini.

KDEBWM dan juga semua sub-kontraktor yang dilantik sentiasa mengamalkan dasar terbuka dan mengalu-alukan sekiranya terdapat warga tempatan khususnya golongan B40 yang berminat untuk bekerja khususnya sebagai krew kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam. Warga tempatan yang berminat boleh memohon secara terus kepada mana-mana sub-kontraktor KDEBWM.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : STATUS PARIT TANAH DI KAMPUNG TRADISI

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan dalam menaiktaraf parit dan saliran terutama di kampung-kampung tradisi yang sudah semakin tidak sesuai digunakan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, parit dan saliran dalaman di dalam kampung tradisi adalah di bawah penyeliaan Pejabat Daerah dan Tanah.

MAKLUMAT TAMBAHAN:

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran bertanggungjawab bagi kerja-kerja menaiktaraf sungai, anak-anak sungai yang menjadi sistem utama dan juga parit pertanian. Manakala parit perbandaran dan parit kampung bukan dibawah tanggungjawab JPS.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : KEBAJIKAN WARGA EMAS

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan taraf hidup dan kebajikan warga emas di Selangor?

JAWAPAN:

Jawapan ini akan dijawab bersekali dengan soalan no.112 dari Yang Berhormat Tuan Mohd Fakhrulrazi Bin Mohd Mokhtar dari Meru bertajuk Kebajikan Warga Tua Dan Usia Emas dan soalan no.244 dari Yang Berhormat Puan Jamaliah Binti Jamaluddin dari Bandar Utama bertajuk Kebajikan Warga Tua Selangor.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dalam mendepani cabaran menuju ke arah negara tua menjelang 2030 dengan menyediakan program-program, kemudahan dan bantuan agar masyarakat warga emas di Selangor melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dengan mengoptimumkan potensi diri serta dapat menyumbang ke arah meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara.

Bantuan kebajikan yang diberikan kepada golongan warga emas di Selangor pada masa kini adalah Bantuan Orang Tua (BOT) dengan kadar RM350.00 sebulan yang disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai bantuan dan sokongan kewangan untuk meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan kehidupan dalam komuniti.

Begini juga pemberian Skim Mesra Usia Emas (SMUE) yang berbentuk bantuan khairat kematian sebanyak RM2,500.00 melalui Rantaian Mesra Sdn Bhd (RMSB) bagi mengurangkan beban ahli keluarga dalam pengurusan jenazah. Kerajaan Negeri juga sedang meneliti beberapa cadangan dan mekanisma pelaksanaan penambahbaikan menerusi skim ini agar ia memberi manfaat kepada ahli SMUE semasa hidupnya.

Keprihatinan terhadap golongan warga emas ini turut mendapat perhatian dan dizahirkan oleh Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti

setempat seluruh Selangor secara kerjasama strategik melalui pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang merupakan salah satu platform bagi mereka ini menjalankan perkhidmatan bercorak pendampingan sosial (reaching out) dan pembangunan (development) kepada warga emas.

JKM melalui Institusi Rumah Seri Kenangan (RSK) turut menyediakan perkhidmatan jagaan dan perlindungan kepada warga emas berusia 60 tahun ke atas yang boleh mengurus diri dan dhaif bagi menjamin kesejahteraan hidup golongan ini.

Selain itu, perkhidmatan jagaan, rawatan dan perlindungan kepada warga emas pesakit melarat, uzur dan yang tidak memerlukan rawatan yang intensif turut disediakan melalui JKM iaitu di Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu. Berdasarkan rekod JKM, terdapat sebanyak 25 buah Pusat Jagaan Berkediaman Warga Emas yang dikendalikan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di Selangor.

Pada tahun ini, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan dengan kerjasama JKM akan melaksanakan program '*Town Hall : Mendepani Cabaran Warga Emas Menjelang Negara Tua 2030*' Peringkat Negeri Selangor berkonsepkan perkongsian idea bagi mencapai objektif berikut :

- (1) Sebagai satu platform bagi memberi peluang kepada para peserta iaitu pelbagai kumpulan warga emas, ahli akademik, aktivis sosial dan pegawai awam/swasta serta masyarakat awam untuk bertemu bagi membincangkan isu dan cadangan baru yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan pihak berkaitan; dan
- (2) Memberi ruang kepada semua peserta dan masyarakat untuk berganding bahu dan menyumbang secara positif bersama Kerajaan Negeri ke arah usaha masyarakat Selangor mendepani cabaran warga emas menjelang negara tua.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)

TAJUK : MASALAH END-FINANCING PEMBELI RUMAH SELANGORKU

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah dan peratusan pembeli Rumah Selangorku yang berdepan dengan masalah end-financing dan menyebabkan mereka tidak mendapat pembiayaan daripada bank ?
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membantu para pembeli yang menghadapi isu ini ?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, seramai 17,514 pemohon iaitu 41.6% pembeli Rumah Selangorku yang berdepan dengan masalah ‘end-financing’ berbanding seramai 24,539 pemohon yang telah mendapat pembiayaan daripada bank.
- b) Antara usaha Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dalam membantu para pembeli yang menghadapi isu ‘end-financing’ adalah dengan mengadakan kerjasama dengan pihak Maybank Berhad bagi mewujudkan satu skim sewa milik atau dikenali juga sebagai ‘*Rent To Own*’ khususnya untuk pembeli Rumah Selangorku di Negeri Selangor. Skim ini dapat membantu golongan B40 dan M40 yang berpendapatan isi rumah RM 10,000-00 sebulan ke bawah untuk memiliki kediaman Mampu Milik atau Rumah Selangorku. Dengan ini, Kerajaan Negeri mampu memastikan sasaran menyediakan 30,000 unit Rumah Selangorku dalam tempoh 5 tahun dapat dicapai dengan lancar sejajar dengan penyediaan pinjaman perumahan yang lebih mudah dan fleksibel.

Sehubungan dengan itu, beberapa siri perbincangan telah diadakan oleh pihak LPHS bersama pihak Maybank dan memerlukan penelitian yang terperinci daripada semua pihak terlibat. Ini bagi memastikan mekanisma pelaksanaan ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan komprehensif serta mencapai objektif kepada golongan sasaran yang dihasratkan oleh Kerajaan Negeri. Setelah itu, cadangan tersebut akan dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : CUKAI TANAH

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah yang menyebabkan masalah pembayaran cukai tanah di mana rakyat menghadapi masalah seperti akaun masih tunjuk tunggakan walaupun bil sudah dibayar, bil menunjukkan jumlah pembayaran yang salah dan lain-lain?
- b) Sila nyatakan rancangan penyelesaian kepada masalah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Subang Jaya, pihak Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) dan juga Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) seluruh Negeri Selangor telah menambahbaik sistem kutipan hasil tanah yang sebelum ini dikenali sebagai Sistem Pungutan Hasil Tanah (eSPHT) kepada Sistem eHasil bermula pada 16 April 2018. Sistem ini secara langsung telah memudahkan kutipan cukai petak ke atas bangunan skim berstrata yang bermula pada 1 Jun 2018. Penambahbaikan tersebut melibatkan pembangunan sistem dan migrasi data cukai tanah.

Berikut daripada kerja-kerja migrasi data daripada pangkalan data eSPHT kepada pangkalan data sistem eHasil yang baharu, terdapat isu-isu dan permasalahan yang berlaku antaranya seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Subang Jaya. Walaubagaimanapun, kesemua permasalahan ini sedang diambil tindakan oleh pihak PTGS dan pihak vendor yang dilantik untuk kerja-kerja menambahbaik sistem kutipan hasil tanah tersebut.

- b) Antara tindakan-tindakan yang diambil oleh PTGS dengan kerjasama PDT seluruh Negeri Selangor dalam mengatasi permasalahan yang timbul hasil daripada perubahan sistem kutipan baharu ini ialah dengan mewujudkan “task force” yang dianggotai oleh PTGS dengan pihak vendor yang dilantik untuk menaiktaraf sistem kutipan hasil tanah dan melaksanakan pembetulan data-data yang timbul merangkumi perkara berkaitan bayaran yang tidak dikemaskini.

PTGS sentiasa berusaha melayan dan menyelesaikan aduan/ pertanyaan yang diterima daripada orang awam sama ada secara hadir sendiri di kaunter, panggilan

telefon dan juga melalui e-mel. Kesemua tindakan merangkumi semakan semula, pengemaskinian akaun dan pemakluman kepada pengadu akan dibuat segera bagi memudahkan urusan orang awam dalam melaksanakan tanggungjawab mereka untuk membayar cukai tanah dan petak mereka. Selain itu juga, pihak PTGS telah bekerjasama dengan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membolehkan pembayaran cukai tanah dan cukai petak dibuat di kaunter PBT berkenaan. Pihak PTGS juga telah membuat hebahan kepada orang awam menerusi laman web rasmi jabatan berkaitan medium pembayaran yang boleh digunakan untuk membayar cukai tanah dan petak dengan menggunakan nombor akaun lama (21 digit) dan nombor akaun baharu (14 digit) bagi memudahkan urusan orang awam berkaitan perkara ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)

TAJUK : HAK PEKERJA

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana Kerajaan Negeri Selangor telah Berjaya membendung masalah lambakan pendatang haram yang bekerja di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Tenaga kerja asing di Malaysia merupakan suatu dilema dalam konteks ekonomi dan sosial. Dari satu sisi, pekerja asing diperlukan untuk membantu pertumbuhan ekonomi. Manakala dari sisi yang berlainan, pekerja asing dianggap menjadi pencetus masalah sosial tertentu. Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa mempertingkatkan kawalan serta menjalankan aktiviti penguatkuasaan melibatkan operasi dari semasa ke semasa bagi menangani kebanjiran pendatang tanpa izin (PATI) serta warga negara asing yang disyaki melakukan kesalahan dengan mengawalselia peruntukan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Pihak Jabatan Imigresen Negeri Selangor juga menangani aduan dari orang awam melalui pelbagai sumber bagi mengesan keberadaan warga asing yang berada di Negeri Selangor tanpa dokumen atau pas dan permit yang sah. Mengikut statistik terbaru pada tahun 2019 iaitu yang dicatatkan untuk bulan Januari dan Februari sebanyak **99 operasi** yang telah dijalankan melibatkan sejumlah **2,933 pekerja asing yang telah diperiksa**. **Jumlah tangkapan** setakat ini adalah seramai **1,229 orang** yang mana menunjukkan amaun besar tangkapan keseluruhan pada dua bulan pertama tahun 2019 adalah seramai **1,245 orang** termasuk tangkapan majikan.

Manakala statistik keseluruhan pada tahun lepas yang berakhir pada **31 Disember 2018** adalah **sebanyak 5,681 tangkapan**. Secara amnya, sebanyak **889 operasi** telah dijalankan sepanjang tahun lepas dimana sejumlah **16,584 pemeriksaan** telah dilakukan. Seramai **5,550 tangkapan** pati diperolehi dan **131 majikan** telahpun di ambil tindakan samaada kompaun ataupun di dakwa. Daerah Petaling dan Klang mencatatkan bilangan operasi penguatkuasaan terbanyak iaitu sebanyak 404 dan 203 berikutan aduan tertinggi yang diterima bagi kedua-dua

kawasan ini.selain itu,Pihak Jabatan Imigresen Negeri Selangor juga ada menjalankan penguatkuasaan berbentuk naziran secara berkala keatas warga asing yang telah mempunyai pas yang sah bagi tujuan pemantauan semasa.

Isu membabitkan PATI bukan hanya tanggungjawab Jabatan Imigresen kerana setiap agensi mahupun PBT mempunyai bidang kuasa tersendiri. Jabatan Imigresen melakukan operasi setiap hari bagi membanteras PATI namun isu itu tidak selesai jika semua pihak berkaitan tidak bekerjasama dan tidak melakukan tindakan susulan sewajarnya .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PERANAN KRT, RA, JKKK DAN MPKK

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat peranan yang berulang di kalangan KRT, RA, JKKK dan MPKK. Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk menyatukan peranan dan sistem agensi-agensi ini demi memudahkan urusan-urusan berkelaaran dan menjelaskan peranan agensi-agensi ini kepada rakyat?

JAWAPAN:

- a) Peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Jawatankuasa Penduduk (RA) dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang dahulunya dikenali sebagai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) ini adalah berlainan antara satu sama lain dan beroperasi di dalam kawasan jajahan yang berbeza.

Rukun Tetangga (RT) telah ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1975 yang mana tujuan asalnya adalah untuk menjamin keselamatan penduduk setempat di dalam sesuatu kawasan kejiranan. Satu akta yang dikenali sebagai Peraturan Rukun Tetangga 1975 (P.U. (A) 279/75) telah diluluskan untuk memberikan kuasa-kuasa tertentu kepada pertubuhan tersebut.

Peranan utama Rukun Tetangga ialah menganjurkan kumpulan-kumpulan rondaan yang bertugas pada waktu malam untuk mengurangkan kegiatan jenayah di sekitar kawasan kejiranan. Anggota kumpulan rondaan biasanya dianggotai oleh ahli-ahli masyarakat di kawasan kejiranan tersebut dan sekarang ini telah dicabangkan dan diberi pengenalan Skim Rondaan Sukarela (SRS). Untuk makluman semua, KRT ini dikawalselia oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dibawah Jabatan Perdana Menteri (JPM). Penubuhan KRT adalah berdasarkan permohonan yang dikemukakan kepada JPNIN manakala Penubuhan Persatuan Penduduk (RA) adalah berdasarkan permohonan yang dikemukakan kepada Jabatan Pertubuhan Pendaftaran Malaysia dan terhad kepada kawasan perumahan tertentu sahaja.

Manakala peranan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung pula adalah sebagai salah satu pemudahcara dan penghubung antara kerajaan dengan masyarakat

setempat. MPKK ini diwujudkan bagi Kawasan Kampung Tradisi khususnya di Negeri Selangor yang mana sebelum ini MPKK ini dikenali sebagai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Dengan penubuhan MPKK ini ianya secara tidak langsung menjadi perantara dan pelaksana dasar-dasar Kerajaan di peringkat akar umbi dan membantu komuniti kampung untuk menyalurkan sebarang permasalahan atau aduan kepada pihak yang berkaitan.

MPKK juga berfungsi untuk merancang dan melaksanakan pelan pembangunan kampung dengan penglibatan komuniti setempat menggunakan pendekatan *bottom-up approach* ke arah mewujudkan kampung yang maju dan sejahtera. MPKK ini dikawalselia oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan dipantau oleh Pejabat Daerah dan Tanah yang berkenaan.

Tuan Speaker,

Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk untuk menyatukan peranan dan sistem agensi-agensi ini kerana fungsi, kumpulan sasar dan fokus agensi ini adalah berlainan. KRT dibawah tanggungjawab JPNIN dan beroperasi di Kawasan perumahan dan kebanyakannya di dalam kawasan bandar manakala MPKK yang diselia oleh KPLB dan dipantau oleh PDT ini beroperasi di dalam kawasan Kampung Tradisi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : KOMPLEKS SUKAN

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kompleks Sukan MPKj di Seksyen 15 Bandar Baru Bangi adalah pusat aktiviti sukan di Sungai Ramal. Trek balapan di kompleks tersebut rosak teruk. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memperbaiki kemudahan di kompleks ini?
- b) Bilakah pembaikan akan dilaksanakan?
- c) Berapakah jangkaan kosnya?

JAWAPAN:

JAWAPAN MASIH BELUM DITERIMA DARIPADA MPKj

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : AGIHAN PERUNTUKAN DANA HAL EHWAL ISLAM

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Berapakah imbuhan yang diperolehi oleh imam, guru takmir dan guru KAFA setiap seorang?
 - Selain daripada imam, adakah pemegang jawatan lain di masjid atau surau yang mendapat imbuhan tersebut?
 - Adakah kerajaan bercadang memberi insentif kepada penolong pendaftar nikah di kariah masjid?

JAWAPAN:

- a) Imbuhan yang diperoleh setiap Imam, guru takmir dan guru KAFA adalah seperti berikut:

1. Imbuhan Imam

BIL.	SUMBER IMBUHAN	JUMLAH (RM)
1.	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	RM 850.00
2.	Kerajaan Negeri Selangor	RM 450.00
JUMLAH KESELURUHAN SEBULAN (RM)		RM 1300.00

2. Imbuhan Guru Takmir

BIL.	SUMBER IMBUHAN	JUMLAH (RM)
1.	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	RM 100.00 (8 kali pengajian sebulan)
JUMLAH KESELURUHAN SEBULAN (RM)		RM 800.00

3. Elaun Guru KAFA

Jumlah guru KAFA di Negeri Selangor adalah seramai **6900 orang** dengan pecahan pembayaran elaun seperti berikut:

- i. **4200 orang** menerima Elaun antara RM1350.00 – RM1500 bersumberkan bayaran dari Kerajaan Negeri (KN) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS).

BIL	SUMBER (RM)		JUMLAH KESELURUHAN (RM)
	LZS	KN	
1.	338.00	1,012.00	1,350.00
2.	338.00	1,062.00	1,400.00
3.	338.00	1,112.00	1,450.00
4.	338.00	1,162.00	1,500.00

Nota:

Sumber kerajaan Negeri bertambah **RM50.00** setiap 5 tahun perkhidmatan sebanyak 3 kali kenaikan.

- ii. **2700 orang** guru KAFA menerima elaun antara RM1,450.00 hingga RM1,600.00 bersumberkan bayaran dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Kerajaan Negeri (KN)

Perincian:

BIL	SUMBER (RM)			JUMLAH KESELURUHAN (RM)
	JAKIM	LZS	KN	
1.	900.00	338.00	212.00	1,450.00
2.	900.00	338.00	262.00	1,500.00
3.	900.00	338.00	312.00	1,550.00
4.	900.00	338.00	352.00	1,600.00

Nota:

Sumber kerajaan Negeri bertambah **RM50.00** setiap 5 tahun perkhidmatan sebanyak 3 kali kenaikan.

Nota tambahan:

JAKIM hanya menyumbang sebahagian peruntukan elaun kepada 2700 orang guru KAFA di sekolah Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain Integrasi (KAFAI)

Sejumlah **1211 orang guru rakyat** yang sedang berkhidmat di sekolah-sekolah menerima bayaran di antara RM500.00 hingga RM1,000.00 sebulan. Bayaran elaun guru ini dibiayai sepenuhnya oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan juga Jemaah Pengurusan Sekolah KAFAI.

- b) Bayaran Imbuhan Untuk Jawatan Lain Di Masjid (Bulanan):

BIL.	ELAUN BULANAN PEGAWAI & JAWATANKUASA MASJID	JUMLAH (RM) (SEBULAN)	SUMBER PEMBIAYAAN
1.	Nazir	RM 200.00	LEMBAGA ZAKAT SELANGOR
2.	Timbalan Nazir	RM 100.00	

3.	Setiausaha	RM 100.00	LEMBAGA ZAKAT SELANGOR
4.	Bendahari	RM 100.00	
5.	Bilal 1	RM 290.00	
6.	Bilal 2	RM 200.00	
7.	Siak 1	RM 240.00	
8.	Siak 2	RM 150.00	
JUMLAH KESELURUHAN (RM) (SEBULAN)		RM 1380.00	

c) Tiada.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)

TAJUK : INISIATIF REVOLUSI INDUSTRI 4.0

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peserta berusia di bawah 18 tahun yang menyertai program pembelajaran pengekodan (coding) di bawah inisiatif Revolusi Industri 4.0 Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Di bawah inisiatif Revolusi Industri 4.0, Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Negeri Selangor telah bekerjasama dengan UNISEL bagi mengadakan pelbagai seperti Program ICT Booth Camp (ICTBC) Negeri Selangor dan Program Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) dan Latihan Kemahiran Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) bermula pada tahun 2015, sehingga 2018 dengan penyertaan **seramai 5,572 orang** pelajar sekolah menengah/rendah yang berusia di bawah 17 tahun di negeri Selangor selain guru serta kaunselor, dan usahawan negeri Selangor.

Tujuan diadakan program-program yang berkaitan adalah untuk meningkatkan pengetahuan kemahiran dan pendedahan ke arah pembudayaan industri revolusi 4.0 dikalangan pelajar melalui pendekatan pembelajaran yang kritis, kreatif dan inovatif. Jumlah penyertaan dalam latihan kemahiran STI adalah seperti jadual berikut;

BIL.	NAMA KURSUS	JUMLAH PELAJAR/PESERTA (ORANG)				CATATAN
		2015	2016	2017	2018	
1.	Program ICT Boot Camp (ICTBC) Kerjasama Unisel di sekolah-sekolah Negeri Selangor (Pengekodan - Coding) <input checked="" type="checkbox"/> Kursus Pembangunan Permainan Mudah alih (Mobile Game Development) menggunakan Game Salad;	-	430	430	292	Pelajar sekolah menengah / rendah di negeri Selangor

	<input type="checkbox"/> Kursus Visualisasi 3D menggunakan Lumion; <input type="checkbox"/> Kursus Rekabentuk Kreatif Mobile dengan menggunakan perisian MIT App Inventor <input type="checkbox"/> Kursus Pembinaan Laman Sesawang dan Pembentangan Kreatif <input type="checkbox"/> Kursus Pembinaan Dokumen Kreatif					
2.	Program Science Technology Engineering Mathematics (STEM) di sekolah-sekolah Negeri Selangor (Pengekodan - Coding) <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> STEM Kick Start Programme <input type="checkbox"/> Robotics <input type="checkbox"/> Data Logging <input type="checkbox"/> Renewable Energy 	-	65	80	2,100	Pelajar sekolah menengah / rendah di negeri Selangor
3.	Program Latihan Kemahiran Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) di sekolah-sekolah Negeri Selangor (Pengekodan - Coding) <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Games Salad <input type="checkbox"/> Teknologi Drone <input type="checkbox"/> Mobile Apps Mit App Inventor <input type="checkbox"/> Mobile Apps Ionic Framework <input type="checkbox"/> Web Programming-HTML 5 bagi Gen Y <input type="checkbox"/> Web Programming-HTML 5 Advanced Bagi Generasi Y Pelajar Sekolah 	-	75	100	2,000	Pelajar sekolah menengah / rendah di negeri Selangor
JUMLAH			570	610	4,392	
JUMLAH KESELURUHAN		5,572 orang pelajar				

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : KEBAJIKAN WARGA TUA DAN USIA EMAS

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bantuan untuk warga emas selain daripada SMUE?
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk membantu warga tua yang tiada tempat untuk bergantung hidup?

JAWAPAN:

Jawapan ini akan dijawab bersekali dengan soalan no.104 dari Yang Berhormat Puan Lim Yi Wei dari Kampung Tunku bertajuk Kebajikan Warga Emas dan soalan no.244 dari Yang Berhormat Puan Jamaliah Binti Jamaluddin dari Bandar Utama bertajuk Kebajikan Warga Tua Selangor.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dalam mendepani cabaran menuju ke arah negara tua menjelang 2030 dengan menyediakan program-program, kemudahan dan bantuan agar masyarakat warga emas di Selangor melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dengan mengoptimumkan potensi diri serta dapat menyumbang ke arah meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara.

Bantuan kebajikan yang diberikan kepada golongan warga emas di Selangor pada masa kini adalah Bantuan Orang Tua (BOT) dengan kadar RM350.00 sebulan yang disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai bantuan dan sokongan kewangan untuk meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan kehidupan dalam komuniti.

Begini juga pemberian Skim Mesra Usia Emas (SMUE) yang berbentuk bantuan khairat kematian sebanyak RM2,500.00 melalui Rantaian Mesra Sdn Bhd (RMSB) bagi mengurangkan beban ahli keluarga dalam pengurusan jenazah. Kerajaan Negeri juga sedang meneliti beberapa cadangan dan mekanisma pelaksanaan penambahbaikan menerusi skim ini agar ianya memberi manfaat kepada ahli SMUE semasa hidupnya.

Keprihatinan terhadap golongan warga emas ini turut mendapat perhatian dan dizahirkan oleh Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti setempat seluruh Selangor secara kerjasama strategik melalui pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang merupakan salah satu platform bagi mereka ini menjalankan perkhidmatan bercorak pendampingan sosial (reaching out) dan pembangunan (development) kepada warga emas.

JKM melalui Institusi Rumah Seri Kenangan (RSK) turut menyediakan perkhidmatan jagaan dan perlindungan kepada warga emas berusia 60 tahun ke atas yang boleh mengurus diri dan dhaif bagi menjamin kesejahteraan hidup golongan ini.

Selain itu, perkhidmatan jagaan, rawatan dan perlindungan kepada warga emas pesakit melarat, uzur dan yang tidak memerlukan rawatan yang intensif turut disediakan melalui JKM iaitu di Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu. Berdasarkan rekod JKM, terdapat sebanyak 25 buah Pusat Jagaan Berkediaman Warga Emas yang dikendalikan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di Selangor.

Pada tahun ini, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan dengan kerjasama JKM akan melaksanakan program '*Town Hall : Mendepani Cabaran Warga Emas Menjelang Negara Tua 2030*' Peringkat Negeri Selangor berkonsepkan perkongsian idea bagi mencapai objektif berikut :

- (1) Sebagai satu platform bagi memberi peluang kepada para peserta iaitu pelbagai kumpulan warga emas, ahli akademik, aktivis sosial dan pegawai awam/swasta serta masyarakat awam untuk bertemu bagi membincangkan isu dan cadangan baru yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan pihak berkaitan; dan
- (2) Memberi ruang kepada semua peserta dan masyarakat untuk berganding bahu dan menyumbang secara positif bersama Kerajaan Negeri ke arah usaha masyarakat Selangor mendepani cabaran warga emas menjelang negara tua.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PELAJAR UNISEL

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah kemasukan pelajar ke UNISEL dari 2016-2018 mengikut kursus?
- Nyatakan jumlah graduan UNISEL dari 2016-2018 mengikut kursus?

JAWAPAN:

- Jumlah **KEMASUKAN PELAJAR** ke UNISEL dari 2016 – 2018 mengikut kursus adalah seperti berikut:

BIL	PROGRAM	BILANGAN PELAJAR		
		2016	2017	2018
1	PENGAJIAN TAHUN ASAS (SAINS)	56	24	29
2	PROGRAM ASAS PENGURUSAN	103	191	153
3	PROGRAM ASAS SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENGAJARAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA)	95	143	105
4	PROGRAM ASAS TEKNOLOGI MAKLUMAT	73	48	65
5	DIPLOMA AKUAKULTUR	13	22	7
6	DIPLOMA APLIKASI KOMPUTER DALAM PERNIAGAAN	0	0	0
7	DIPLOMA FISIOTERAPI	31	11	13
8	DIPLOMA INDUSTRI BIOTEKNOLOGI	19	17	9
9	DIPLOMA INDUSTRI MULTIMEDIA	10	16	11
10	DIPLOMA KEJURURAWATAN	51	8	8
11	DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM	35	9	21
12	DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN	19	8	6

	ELEKTRONIK			
13	DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL	20	3	6
14	DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKATRONIK	6	1	0
15	DIPLOMA KESIHATAN PERSEKITARAN	16	2	2
16	DIPLOMA KOMUNIKASI DAN MEDIA	106	63	46
17	DIPLOMA PENDIDIKAN (PENGAJIAN ISLAM)	51	31	27
18	DIPLOMA PENDIDIKAN (PENGAJIAN PRASEKOLAH)	268	209	246
19	DIPLOMA PENGAJARAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA	166	96	100
20	DIPLOMA PENGIMEJAN PERUBATAN	25	3	3
21	DIPLOMA PENGURUSAN INDUSTRI SUKAN	111	95	118
22	DIPLOMA PENGURUSAN PENTADBIRAN	174	137	144
23	DIPLOMA PENGURUSAN PERNIAGAAN	302	176	189
24	DIPLOMA PERAKAUNAN	112	36	46
25	DIPLOMA SAINS KOMPUTER (PENGKOMPUTERAN INDUSTRI)	28	12	17
26	DIPLOMA SAINS KUANTITATIF	8	0	0
27	DIPLOMA SAINS PERPUSTAKAAN	13	15	9
28	DIPLOMA SENI REKA GRAFIK DIGITAL	120	88	107
29	DIPLOMA TEKNOLOGI FOTOGRAFI	32	30	19
30	DIPLOMA TEKNOLOGI INDUSTRI	56	51	43
31	DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT	41	29	37
32	DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT (TEKNOLOGI MUDAHALIH)	1	0	0
33	DIPLOMA TEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN	27	3	6
34	IJAZAH SARJANA KEJURUTERAAN (MELALUI PENYELIDIKAN)	1	1	1

35	IJAZAH SARJANA MUDA (KEPUJIAN) FILEM DAN ANIMASI	NA	NA	3
36	IJAZAH SARJANA MUDA (KEPUJIAN) SENI REKA GRAFIK DIGITAL	45	52	28
37	IJAZAH SARJANA MUDA BAHASA INGGERIS UNTUK INDUSTRI	NA	2	15
38	IJAZAH SARJANA MUDA BIOINFORMATIK (KEPUJIAN)	14	14	0
39	IJAZAH SARJANA MUDA INDUSTRI BIOTEKNOLOGI (KEPUJIAN)	30	28	23
40	IJAZAH SARJANA MUDA INDUSTRI MULTIMEDIA (KEPUJIAN)	23	30	13
41	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) AWAM	26	31	23
42	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) ELEKTRIK	30	20	8
43	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) ELEKTRONIK	N/A	N/A	N/A
44	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) MEKANIKAL	16	30	19
45	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) MEKATRONIK	N/A	N/A	N/A
46	IJAZAH SARJANA MUDA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KEPUJIAN)	11	23	6
47	IJAZAH SARJANA MUDA KESENIAN (KEPUJIAN) TEKNOLOGI FOTOGRAFI KREATIF	N/A	N/A	4
48	IJAZAH SARJANA MUDA KOMUNIKASI (KEPUJIAN) (KEWARTAWANAN)	44	37	19
49	IJAZAH SARJANA MUDA KOMUNIKASI (KEPUJIAN) (KOMUNIKASI KORPORAT)	76	46	27
50	IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (KEPUJIAN) (PENGAJIAN ISLAM)	101	87	58

51	IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (KEPUJIAN) PENGAJARAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA	135	169	179
52	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN INDUSTRI (KEPUJIAN)	25	0	0
53	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN PERNIAGAAN (KEPUJIAN)	146	187	159
54	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (KEPUJIAN)	241	261	248
55	IJAZAH SARJANA MUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN (KEPUJIAN)	NA	NA	47
56	IJAZAH SARJANA MUDA PERAKAUNAN (KEPUJIAN)	136	79	68
57	IJAZAH SARJANA MUDA PSIKOLOGI INDUSTRI (KEPUJIAN)	25	31	27
58	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS (KEPUJIAN) MATEMATIK DENGAN STATISTIK	18	15	4
59	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS (KEPUJIAN) TEKNOLOGI INDUSTRI	12	6	10
60	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KEJURUTERAAN PERISIAN) (KEPUJIAN)	6	16	41
61	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KEPUJIAN)	7	6	3
62	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KEPUJIAN) (KESELAMATAN RANGKAIAN DAN DIGITAL FORENSIK)	5	8	0
63	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKMAL PERUBATAN (KEPUJIAN)	122	104	82
64	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS PERPUSTAKAAN (KEPUJIAN)	16	13	12
65	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS PERSEKITARAN (KEPUJIAN)(KEPELBAGAIAN)	4	3	1

	BIOLOGI DAN PEMULIHARAAN)			
66	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS TEKNOLOGI MAKLUMAT DENGAN PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN (KEPUJIAN)	20	15	2
67	IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT (KEPUJIAN)	45	55	58
68	IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT (PENGURUSAN PENGETAHUAN) (KEPUJIAN)	7	0	0
69	IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN KOKURIKULUM DAN SUKAN)	0	0	0
70	IJAZAH SARJANA SAINS (PENGKOMPUTERAN)	1	3	0
71	IJAZAH SARJANA SAINS KOMPUTER (KEJURUTERAAN PERISIAN)	0	0	0
72	IJAZAH SARJANA TEKNOLOGI MAKLUMAT	7	8	4
73	SARJANA MUDA KEWANGAN (KEPUJIAN)	129	76	70
74	SARJANA MUDA PEMASARAN (KEPUJIAN)	8	0	0
75	SARJANA MUDA PENDIDIKAN (KEPUJIAN) (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)	200	186	173
76	SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN DISIPLIN)	10	7	5
77	SARJANA PENGURUSAN (MELALUI PENYELIDIKAN)	3	7	2
78	SARJANA PENTADBIRAN PERNIAGAAN	0	13	8
79	SARJANA PENTADBIRAN PERNIAGAAN	13	4	0
80	SARJANA SAINS (BIOTEKNOLOGI)	4	4	4
81	SARJANA SAINS HAYAT	3	2	0
82	DOKTOR FALSAFAH BIOTEKNOLOGI	0	1	1
83	DOKTOR FALSAFAH KEJURUTERAAN (MELALUI PENYELIDIKAN)	1	1	1

84	DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN	8	5	1
85	DOKTOR FALSAFAH PENGKOMPUTERAN	2	4	1
86	DOKTOR FALSAFAH PENGURUSAN	7	40	20
87	DOKTOR FALSAFAH SAINS	0	3	0
88	DOKTOR FALSAFAH SAINS SOSIAL	3	11	1
89	DOKTOR PENDIDIKAN	33	21	12
	JUMLAH	4007	3342	3083

Nota :

Untuk makluman, **bermula Januari 2018**, kemasukan pelajar hanya dibenarkan sebanyak **3 kali setahun** sahaja. Sebelum ini jumlah kemasukan pelajar setahun yang dibenarkan oleh KPT adalah sebanyak **5 kali setahun**. Hal ini juga akan memberi kesan kepada jumlah kemasukan pelajar.

- b) Jumlah graduan **UNISEL** dari tahun 2016-2018 mengikut kursus adalah seperti berikut:

BIL	PROGRAM	BILANGAN PELAJAR		
		2016	2017	2018
1	PENGAJIAN TAHUN ASAS (SAINS)	28	49	17
2	PROGRAM ASAS PENGURUSAN	56	54	136
3	PROGRAM ASAS SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENGAJARAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA)	73	88	132
4	PROGRAM ASAS TEKNOLOGI MAKLUMAT	19	60	37
5	DIPLOMA AKUAKULTUR	11	9	7
6	DIPLOMA APLIKASI KOMPUTER DALAM PERNIAGAAN	1	1	2
7	DIPLOMA FISIOTERAPI	24	21	22

8	DIPLOMA INDUSTRI BIOTEKNOLOGI	9	8	7
9	DIPLOMA INDUSTRI MULTIMEDIA	14	8	14
10	DIPLOMA KEJURURAWATAN	15	7	29
11	DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM	0	2	8
12	DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK	11	4	3
13	DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL	6	9	3
14	DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKATRONIK	0	3	1
15	DIPLOMA KESIHATAN PERSEKITARAN	26	10	16
16	DIPLOMA KOMUNIKASI DAN MEDIA	115	104	100
17	DIPLOMA PENDIDIKAN (PENGAJIAN ISLAM)	57	39	18
18	DIPLOMA PENDIDIKAN (PENGAJIAN PRASEKOLAH)	191	190	164
19	DIPLOMA PENGAJARAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA	77	92	58
20	DIPLOMA PENGIMEJAN PERUBATAN	8	25	22
21	DIPLOMA PENGURUSAN INDUSTRI SUKAN	66	58	55
22	DIPLOMA PENGURUSAN PENTADBIRAN	95	86	93
23	DIPLOMA PENGURUSAN PERNIAGAAN	157	134	171
24	DIPLOMA PERAKAUNAN	61	48	50
25	DIPLOMA SAINS KOMPUTER (PENGKOMPUTERAN INDUSTRI)	17	12	9
26	DIPLOMA SAINS KUANTITATIF	3	3	2
27	DIPLOMA SAINS PERPUSTAKAAN	8	6	9
28	DIPLOMA SENI REKA GRAFIK DIGITAL	52	28	82
29	DIPLOMA TEKNOLOGI FOTOGRAFI	22	14	29
30	DIPLOMA TEKNOLOGI INDUSTRI	40	23	22

31	DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT	14	2	30
32	DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT (TEKNOLOGI MUDA HALIH)	4	2	4
33	DIPLOMA TEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN	37	25	20
34	IJAZAH SARJANA KEJURUTERAAN (MELALUI PENYELIDIKAN)	0	0	0
35	IJAZAH SARJANA MUDA (KEPUJIAN) SENI REKA GRAFIK DIGITAL	41	28	64
36	IJAZAH SARJANA MUDA BIOINFORMATIK (KEPUJIAN)	3	2	2
37	IJAZAH SARJANA MUDA INDUSTRI BIOTEKNOLOGI (KEPUJIAN)	47	11	34
38	IJAZAH SARJANA MUDA INDUSTRI MULTIMEDIA (KEPUJIAN)	13	10	25
39	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) AWAM	23	6	11
40	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) ELEKTRIK	10	9	10
41	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) ELEKTRONIK	8	3	NA
42	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) MEKANIKAL	48	17	18
43	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) MEKATRONIK	7	1	NA
44	IJAZAH SARJANA MUDA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KEPUJIAN)	1	2	8
45	IJAZAH SARJANA MUDA KOMUNIKASI (KEPUJIAN) (KEWARTAWANAN)	29	19	45
46	IJAZAH SARJANA MUDA KOMUNIKASI (KEPUJIAN) (KOMUNIKASI KORPORAT)	77	63	89
47	IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (KEPUJIAN) PENGAJARAN BAHASA INGGERIS	134	120	78

	SEBAGAI BAHASA KEDUA			
48	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN INDUSTRI (KEPUJIAN)	45	49	56
49	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN PERNIAGAAN (KEPUJIAN)	135	123	137
50	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (KEPUJIAN)	245	203	263
51	IJAZAH SARJANA MUDA PERAKAUNAN (KEPUJIAN)	86	95	121
52	IJAZAH SARJANA MUDA PSIKOLOGI INDUSTRI (KEPUJIAN)	52	41	35
53	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS (KEPUJIAN) MATEMATIK DENGAN STATISTIK	20	15	6
54	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS (KEPUJIAN) TEKNOLOGI INDUSTRI	0	10	13
55	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KEJURUTERAAN PERISIAN) (KEPUJIAN)	30	16	11
56	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KEPUJIAN)	32	4	10
57	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KEPUJIAN) (KESELAMATAN RANGKAIAN DAN DIGITAL FORENSIK)	8	3	17
58	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKMAL PERUBATAN (KEPUJIAN)	4	66	66
59	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS PERPUSTAKAAN (KEPUJIAN)	70	22	12
60	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS PERSEKITARAN (KEPUJIAN)(KEPELBAGAIAN BIOLOGI DAN PEMULIHARAAN)	2	1	4
61	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS TEKNOLOGI MAKLUMAT DENGAN PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN (KEPUJIAN)	3	17	11

62	IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT (KEPUJIAN)	15	12	14
63	IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT (PENGURUSAN PENGETAHUAN) (KEPUJIAN)	6	3	5
64	IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN KOKURIKULUM DAN SUKAN)	5	0	0
65	IJAZAH SARJANA SAINS (PENGKOMPUTERAN)	1	0	0
66	IJAZAH SARJANA SAINS KOMPUTER (KEJURUTERAAN PERISIAN)	1	0	1
67	IJAZAH SARJANA TEKNOLOGI MAKLUMAT	2	5	4
68	SARJANA MUDA KEWANGAN (KEPUJIAN)	53	71	123
69	SARJANA MUDA PEMASARAN (KEPUJIAN)	16	19	20
70	SARJANA MUDA PENDIDIKAN (KEPUJIAN) (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)	315	204	218
71	SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN DISIPLIN)	2	4	2
72	SARJANA PENGURUSAN (MELALUI PENYELIDIKAN)	0	1	1
73	SARJANA PENTADBIRAN PERNIAGAAN	23	8	14
74	SARJANA SAINS (BIOTEKNOLOGI)	1	0	1
75	DOKTOR FALSAFAH KEJURUTERAAN (MELALUI PENYELIDIKAN)	0	1	0
76	DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN	0	1	0
77	DOKTOR FALSAFAH PENGURUSAN	3	6	3
78	DOKTOR FALSAFAH SAINS SOSIAL	1	1	0
79	DOKTOR PENDIDIKAN	12	13	10
	JUMLAH	2946	2529	2934

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
(N43 SEMENTA)**

TAJUK : JETI NELAYAN DI SELANGOR

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan jeti yang terdapat di Negeri Selangor yang telah dan yang belum diwartakan? sila nyatakan mengikut daerah.
- b) Apakah halangan pihak kerajaan untuk membuat pewartaan ini? Apakah tindakan jangka pendek bagi nelayan menggunakan kemudahan jeti ini?

JAWAPAN:

- a) Bancian semula yang diadakan pada tahun 2016 mendapati terdapat 969 buah jeti. 86 buah jeti di bagan Sekinchan sedang dalam tindakan pewartaan. Pecahan bilangan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	KAWASAN	BIL JETI TAHUN 2013	BIL JETI TAHUN 2016
1.	Daerah Sabak Bernam	386	313
2.	Daerah Kuala Selangor	232	150
3.	Daerah Klang	581	417
4.	Daerah Kuala Langat	127	50
5.	Daerah Sepang	24	39
	Jumlah	1350	969

- b) Pewartaan masih tidak dapat dilaksanakan disebabkan faktor seperti berikut:
- i. Pengusaha jeti masih belum mengemukakan pelan ukur kepada LUAS dan Pejabat Tanah untuk tindakan lanjut;
 - ii. Tiada maklumat lengkap berkenaan jeti dan pengurusan jeti ; dan
 - iii. Keengganan segelintir pengusaha untuk membayar caj dan permit yang dikenakan oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat.

Untuk tindakan jangka pendek, tindakan adalah seperti berikut:

- i. jeti-jeti sedia yang telah dibanci perlu mengemukakan pelan ukur untuk tindakan kelulusan agensi bagi proses pemutihan.
- ii. LUAS mengeluarkan peringatan melalui surat kepada kawasan jeti yang terlibat untuk segerakan kerja pengukuran.
- iii. Pemasangan papan tanda peringatan agar tiada penambahan struktur dan pembinaan jeti di tapak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : NAIK TARAF MDKL KE MAJLIS PERBANDARAN

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini usaha dan permohonan untuk menaik taraf Majlis Daerah Kuala Langat kepada Majlis Perbandaran Kuala Langat?

JAWAPAN:

- a) Permohonan Majlis Daerah Kuala Langat untuk menaik taraf dari Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran telah disemak oleh Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT), UPEN serta ulasan-ulasan Jabatan berkaitan seperti Perbendaharaan Negeri Selangor dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah pun diperolehi. Saya menjangkakan kertas cadangan tersebut akan diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) selewat-lewatnya April 2019 sebelum dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : BANTUAN KEPADA BELIA DAN RAKYAT YANG TIADA PEKERJAAN
TETAP**

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ada mekanisma yang digunakan oleh Kerajaan Negeri bagi penduduk yang tiada pekerjaan tetap atau pun para belia untuk membantu mereka seperti projek penternakan,projek usahawan,projek buka tanah untuk pertanian dan sebagainya?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan mengambil maklum untuk menambah baik keadaan ekonomi anak muda termasuk meningkatkan peluang pekerjaan kepada golongan belia yang tiada pekerjaan tetap untuk membantu menangani kos sara hidup yang semakin meningkat. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sentiasa menitik beratkan aspek pekerjaan dan pendapatan dalam program pembangunan belia yang dilaksanakan.

Justeru itu, Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan taraf hidup golongan belia di Selangor sebagaimana berikut :-

1. Program Karnival Kerjaya

Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan telah menganjurkan satu program Karnival Kerjaya dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Job Malaysia bermula pada tahun 2014. Program yang dilaksanakan ini telah berjaya melibatkan pemohon berdaftar seramai 25,199 orang yang mana seramai 15,623 orang telah berjaya untuk ditemuduga. Daripada jumlah calon yang telah ditemuduga tersebut, seramai 4,790 orang yang telah berjaya mendapat pekerjaan.

2. Program di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan

Kerajaan Negeri turut mengadakan program dan bantuan kepada belia bagi tujuan untuk memberi pendedahan kepada mereka untuk mencebur dalam bidang perniagaan dan keusahawanan seperti berikut: -

- a) Dana Usahawan Mikro Selangor;
- b) Pameran/Ekspo;
- c) Karnival/Festival Usahawan;
- d) Kursus/Latihan; dan
- e) Program Peningkatan Keupayaan Reka Bentuk Pembungkusan Produk Usahawan Negeri Selangor (4P);

3. Skim Bantuan HIJRAH Selangor

Melalui program HIJRAH Selangor, pinjaman kewangan diberikan kepada golongan belia bagi memulakan perniagaan untuk menjadi usahawan berjaya melalui skim seperti berikut: -

JENIS SKIM	PINJAMAN	TEMPOH BALIK	BAYARAN
SKIM 1	3,000.00- 5,000.00	25 minggu (6 bulan)	Ditawarkan kepada semua peminjam yang berkelayakan
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	
SKIM 2	6,000.00- 10,000.00	25 minggu (6 bulan)	Hanya ditawarkan kepada peminjam yang telah tamat pinjaman pusingan pertama dengan kredit disiplin yang memuaskan
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	
SKIM 3	15,000.00- 20,000.00	25 minggu (6 bulan)	Hanya ditawarkan kepada peminjam yang telah tamat pinjaman pusingan pertama dengan kredit disiplin yang memuaskan
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	
SKIM 4	30,000.00- 50,000.00	25 minggu (6 bulan)	Hanya ditawarkan kepada peminjam yang telah tamat pinjaman pusingan pertama dengan kredit disiplin yang memuaskan
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	

4. Program Pembangunan Usahawan PKNS

- a) Program Usahawan Siswazah PKNS (Grow) -
(Lepasan Kolej / Universiti)

Program Usahawan Siswazah merupakan satu inisiatif yang diwujudkan untuk membantu golongan siswazah yang berminat menceburi bidang keusahawanan. Program ini membantu para peserta dalam mengendalikan perniagaan dari peringkat awal sehingga berjaya. Pelbagai maklumat dan pengalaman yang berguna akan dikongsikan bersama.

Mengasuh dan membimbing usahawan bumiputera melalui inkubator usahawan dan meneroka peluang dengan menekankan aspek pembelajaran melalui pengalaman usahawan.

- i. Penyertaan seramai 30 orang siswazah setahun
- ii. Mensasarkan graduan lepasan diploma dan ijazah berusia 21 hingga 30 tahun
- iii. 91% daripada 208 peserta kekal menjadi usahawan
- iv. Perjalanan program selama 6 bulan

- b) Program Usahawan Mahasiswa PKNS

Program Usahawan telah dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor sejak tahun 2003 dengan memberi fokus latihan dan pembudayaan dalam kalangan mahasiswa di lapan (8) institusi-institusi pengajian tinggi seperti berikut:

- i. Universiti Teknologi Mara (UiTM)
- ii. Universiti Putera Malaysia (UPM)
- iii. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- iv. Universiti Industri Selangor (UNiSEL)
- v. INSPIENS International College
- vi. Kolej Universiti Selangor (KUIS)
- vii. International Islamic Universiti Malaysia (UIA)
- viii. City University (City U)

5. Program di bawah Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani

Kerajaan Negara telah melaksanakan pelbagai Program kepada Generasi Muda yang berminat untuk menceburi sektor pertanian sebagaimana berikut :-

- a) Program Agro Generasi Muda Selangor (AMSEL)
- b) Program Bantuan Peralatan Pertanian
- c) Kursus dan Seminar kepada Generasi Muda
- d) Pembukaan Tanah

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN RAKYAT TERBENGKALAI

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah projek perumahan yang terbengkalai di Negeri Selangor.
- b) Apakah faktor - faktor yang menyebabkan projek terbengkalai?
- c) Apakah langkah untuk memastikan projek dapat dijayakan semula khususnya di kawasan - kawasan luar bandar seperti projek perumahan Ladang Air Manis Sabak Bernam?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, statistik terakhir sehingga bulan Disember 2018 mendapati sebanyak 114 projek terbengkalai di Negeri Selangor dengan jumlah unit sebanyak 24,487 unit.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, faktor utama yang menyebabkan projek perumahan terbengkalai tidak dapat diselesaikan adalah disebabkan beberapa faktor seperti berikut :
 - i) Viabiliti Projek

Projek yang tidak '*viable*' mengakibatkan sesebuah projek terbengkalai. Keadaan ini berlaku disebabkan di mana sesetengah pemaju tidak menjalankan Kajian Kemungkinan (*Feasibility Study*) yang menyeluruh atau kesilapan terhadap kajian kemungkinan yang dijalankan terhadap suatu projek sebelum pelaburan dibuat. Kesan akibat kesilapan kajian kemungkinan menyebabkan kos infrastruktur meningkat tinggi dan seterusnya peningkatan kos pembinaan yang mendadak sehingga menjaskan kewangan kontraktor terbabit

Lokasi projek juga merupakan salah satu pertimbangan utama pembeli dalam membeli rumah. Lokasi tidak bersesuaian menyebabkan pasaran terjejas. Ini berpunca daripada kurangnya kajian pasaran dibuat sebelum

projek perumahan dimulakan. Keadaan ini akan menjelaskan kedudukan kewangan atau modal pemaju dalam memajukan projek tersebut. Akhirnya, pemaju berkenaan melepaskan tangan kerana ketidaksanggupan dalam meneruskan projek di samping bebanan kewangan yang ditanggung.

ii) Kurang Pengalaman dan Kedudukan Kewangan yang Tidak Kukuh.

Berdasarkan kepada kes-kes projek terbengkalai di Negeri Selangor terdapat banyak projek terbengkalai dimiliki oleh pemaju yang kurang berpengalaman dan sumber kewangan yang tidak kukuh. Kedudukan kewangan yang lemah menyebabkan pemaju tidak mampu untuk meneruskan projek sekiranya berlaku pertambahan kos dalam masa projek dijalankan.

iii) Pengurusan

Pengurusan yang lemah terutamanya pengurusan kewangan turut menyumbang kepada faktor terbengkalainya sesbuah projek perumahan. Kesilapan dalam pengiraan kos projek akan membebankan dan merugikan pihak pemaju. Contohnya, kos sebenar projek berlipat ganda daripada anggarkan sebelum pelaksanaan projek. Selain itu, harga jualan unit rumah yang tidak sesuai atau terlalu tinggi akan menyebabkan unit-unit rumah tidak terjual kerana jurang kuasa beli pembeli yang besar.

Selain itu, strategi pemasaran yang lemah juga antara faktor projek perumahan terbengkalai. Keadaan ini disebabkan sumber kewangan yang diperolehi terhad daripada sejumlah kecil pembeli rumah dan '*bridging loan*' yang membebankan pemaju. Bagi sesetengah projek perumahan, kesilapan pemilihan kontraktor yang dijalankan secara tender akan menyebabkan projek tersebut terbengkalai dan mengalami kesulitan untuk diteruskan semula.

iv) Agensi Kewangan

Kos pembelian tanah yang tinggi serta faedah '*bridging loan*' yang meningkat mengikut keadaan ekonomi semasa turut membebangkan pemaju-pemaju yang tidak berpengalaman dan tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh. Tambahan pula, pemaju yang mengalami masalah '*bridging loan*' lazimnya akan menampung kos projek melalui '*progress payment*' yang diperolehi dari bank. Sekiranya berlaku masalah ke atas projek yang dibangunkan, pembiayaan akan terhenti dan ini akan mengganggu aliran tunai pemaju.

c) Beberapa langkah proaktif telah diambil oleh Kerajaan melalui LPHS bagi memastikan usaha pemulihan perumahan terbengkalai dapat dijayakan semula khususnya di kawasan-kawasan luar bandar seperti projek perumahan Ladang Air manis Sabak Bernam, adalah seperti berikut:

i. **Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT)** bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini yang diurusetia oleh LPHS juga memainkan peranan penting dalam merangka pelan pemulihan disamping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. LPHS sebagai agensi pemantauan senantiasa berusaha memastikan projek terbengkalai dapat dipulihkan dan seterusnya dapat disiapkan sehingga Sijil Layak Menduduki diperolehi. Keahlian JPPT (Jawatankuasa Induk) adalah seperti berikut :

Bil.	Jabatan / Ahli	Catatan
1.	Y.B. EXCO Perumahan dan Kehidupan Bandar	Pengerusi
2.	Y.B. Penasihat Undang-Undang	Ahli Mesyuarat
3.	Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	Ahli Mesyuarat
4.	Pembantu EXCO Perumahan Dan Kehidupan Bandar	Ahli Mesyuarat
5.	Jabatan Kerja Raya	Ahli Mesyuarat
6.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	Ahli Mesyuarat
7.	Pejabat Tanah Dan Galian Selangor	Ahli Mesyuarat
8.	Pejabat Tanah Dan Daerah	Ahli Mesyuarat
9.	Pihak Berkuasa Tempatan	Ahli Mesyuarat
10.	Panel Juru Ukur Bahan	Ahli Mesyuarat
11.	Panel Jurutera	Ahli Mesyuarat
12.	Panel Penilaian	Ahli Mesyuarat
13.	Pemaju	Ahli Mesyuarat
14.	Jabatan Insolvensi Malaysia / Pelikuidasi Swasta	Ahli Mesyuarat

15.	Jawatankuasa Pembeli / Pembeli Rumah	Ahli Mesyuarat
16.	Bank	Ahli Mesyuarat

*Kehadiran ahli tertakluk dalam mesyuarat yang dibincangkan

- ii. LPHS berperanan bagi mengeluarkan **surat pengesahan projek terbengkalai** supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi menstrukturkan semula atau pengurangan bayaran bulanan daripada pembiaya atau bank.
- iii. LPHS juga mengadakan **perbincangan bersama pelikuidasi** (*liquidator*) terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
- iv. LPHS turut mengadakan **perbincangan dengan semua jabatan teknikal** seperti SYABAS, TNB, IWK dan agensi berkaitan dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
- v. Sekiranya projek ini menghadapi **defisit kos pemulihan**, LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan daripada kontraktor yang berminat dan berwibawa kepada KPKT untuk membuat keputusan bagi mendapatkan peruntukan khas pemulihan projek
- vi. **Memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli** untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989
- vii. **LPHS juga akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil** demi memastikan hak pembeli terhadap harta tanah mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 Kanun yang sama.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum pembelian sesebuah rumah atau harta tanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku "***breach of contract***" maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke Mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : CADANGAN PERSEMPADANAN SEMULA OLEH SPR

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat kekeliruan mengenai isu garisan persempadanan semula SPR di antara DUN Batang Kali dengan DUN Kuala Kubu Bharu. Adakah kerajaan bercadang untuk membuat persempadanan kepada yang asal/semula supaya dapat melancarkan urus tadbir di kawasan ini?

JAWAPAN:

JAWAPAN MASIH BELUM DITERIMA DARIPADA PEJ.MB

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : STATUS 'FLYOVER' BULATAN BANDAR SAUJANA PUTRA

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pembangunan 'Flyover' di bulatan Bandar Saujana Putra bagi penyuraian lalulintas di waktu puncak?

JAWAPAN:

- a) Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) dan syarikat usahasama Seribu Baiduri Sdn. Bhd. (LBS Bina Group Berhad) telah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi Pembinaan Jejambat (Flyover) menghubungkan antara ELITE(PLUS) dan SKVE bagi mengelakkan kesesakan lalulintas di bulatan Bandar Saujana Putra kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) 13 Januari 2015.

Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) pada 7 Mei 2015 telah meluluskan permohonan untuk membina jejambat berkenaan dengan syarat-syarat yang dikenakan.

Dalam taklimat kepada Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor (JP-ABAS) pada 29 Januari 2019, PNSB memaklumkan bahawa PNSB akan mengarahkan pihak Seribu Baiduri Sdn. Bhd. untuk segera mengeluarkan tender bagi pembinaan jejambat berkenaan.

Satu mesyuarat antara PNSB dengan pihak Seribu Baiduri Sdn. Bhd. pada 27 Februari 2019 telah bersetuju bahawa kerja-kerja tender akan dimulakan segera setelah dokumen-dokumen tender berkaitan disediakan.

Pihak Seribu Baiduri Sdn. Bhd. memaklumkan bahawa PLUS dalam suratnya bertarikh 8 Jun 2016 telah mengenakan syarat supaya menjelaskan bayaran 50% daripada jumlah RM14,267,500.00 sebagai bayaran tertunggak bagi kos penyelengaraan dan operasi persimpangan Saujana Putra yang telah siap dibina oleh Seribu Baiduri sebelum pembinaan 'flyover' dimulakan. Tuntutan kos penyelenggaraan ini telah dibawa ke mahkamah oleh pihak PLUS dan Seribu Baiduri memohon supaya syarat ini dikecualikan bagi mempercepatkan pembinaan 'flyover'.

Sebagai langkah sementara, Seribu Baiduri Sdn. Bhd. telah melaksanakan penyediaan lampu isyarat di Bulatan Saujana Putra bagi menangani masalah kesesakan dan telah disiapkan pada Disember 2017, walaubagaimanapun ianya tidak dapat digunakan sepenuhnya kerana ketidaksesuaian dengan masalah kesesakan yang berlaku. Bagi menangani masalah kesesakan untuk jangka pendek, pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM) telah memberikan komitmen dan bantuan bagi mengawal kesesakan lalulintas dikawasan tersebut pada masa puncak iaitu waktu pagi dan petang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : PELAKSANAAN CFS DI NEGERI SELANGOR

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan projek kebangsaan Central Forest Spine (CFS) untuk tahun 2019?
- b) Berapa peruntukan dijangka digunakan untuk projek ini?
- c) Adakah projek seperti ERCL akan menjelaskan projek CFS sebelah sempadan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan perancangan-perancangan yang telah dipersetujui sebelum ini sebagaimana keputusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Nasional Pelaksanaan CFS, Jawatankuasa Teknikal Nasional. Manakala penyelarasan diperingkat Negeri akan dibincangkan melalui Jawatankuasa Pemandu CFS Peringkat Negeri Selangor dan pelaksanaannya melalui Jawatankuasa Teknikal CFS Peringkat Negeri Selangor.

Tambahan pula, pihak Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor selaku sekretariat bagi pelaksanaan projek CFS di Negeri Selangor telah menyediakan satu dokumen Rancangan Pengurusan Central Forest Spine Negeri Selangor Tahun 2019 – 2028 (10 tahun) sebagai rujukan di dalam merancanakan pelaksanaan program CFS di Negeri Selangor. Kandungan dokumen ini mengandungi beberapa perkara iaitu :

- i) Melibatkan punca kuasa pelaksanaan CFS diperingkat Persekutuan, Perundangan, Dasar dan kaedah pelaksanaan pengurusan CFS di peringkat Jawatakuasa Nasional.
- ii) Kaedah Pelaksaan CFS diperingkat Negeri dan hubungannya di peringkat Nasional, Perundangan, Dasar dan kaedah pelaksanaan pengurusan CFS di Negeri. Penubuhan Jawatankuasa Pemandu Negeri dan Jawatankuasa

Teknikal Negeri serta maklumat awal kawasan jajaran koridor CFS dan jabatan/agensi yang terlibat.

- iii) Maklumat asas mengenai maklumat biodiversiti (flora dan fauna), status guna tanah di kawasan jajaran koridor CFS.
- iv) Isu-isu dan cabaran serta kaedah pelaksanaan program CFS sepanjang 10 tahun.
- v) Cadangan preskripsi
- vi) Jangkaan Output
- vii) Isu-isu dan risiko pelaksanaan CFS di Negeri Selangor

Negeri Selangor adalah merupakan negeri yang pertama mewujudkan dokumen Rancangan Pengurusan *Central Forest Spine* Negeri Selangor Tahun 2019 - 2028 dan kini menjadi ikutan kepada negeri-negeri yang lain.

- b) Bagi tahun 2019, peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan adalah lebih kurang berjumlah RM270,00.00 dan sepanjang RMK Ke-11 jumlah keseluruhannya adalah RM5.0 juta. Peruntukan daripada Kerajaan Negeri Selangor di bawah Bajet Projek Pembangunan (P10) bagi tahun 2019 adalah berjumlah RM100,000.00 (Seratus Ribu) dan jumlah keseluruhan peruntukan bagi RMK-11 adalah berjumlah RM500,00.00. Jumlah peruntukan di bawah Kerajaan Negeri Selangor (P10) adalah berjumlah RM2.55 juta. Negeri Selangor juga adalah merupakan negeri pertama yang telah meluluskan peruntukan khusus bagi projek CFS di bawah Projek Pembangunan P10 iaitu semenjak tahun 2011.
- c) Secara dasarnya belum ada permohonan rasmi diterima daripada pemaju/konsesi projek ECRL (pihak Persekutuan) kepada Kerajaan Negeri.

Jajaran koridor CFS di negeri Selangor adalah merupakan jajaran di bawah Jajaran Kedua (*Secondary Lingkages*) yang diberi nama CFS2 SL3 di mana jajaran koridor menghubungkan HS Raja Musa – HS Bukit Tarek – HS Bukit Gading. Justifikasi jajaran ini adalah bagi mewujudkan kesinambungan fungsi ekologi di antara Hutan Paya Gambut Selangor Utara dengan Banjaran Utama. Jajaran koridor ini melibatkan kawasan tanah (darat) dan sungai. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti diversiti vertebrata kecil (haiwan bertulang belakang kecil contohnya katak, tikus, ular dan sebagainya) seperti yang terdapat di laluan koridor dan di kawasan sekitarnya termasuk mamalia kecil, burung dan

herpetofauna. Hasil kajian maklumat ini akan digunakan dalam menyediakan pelan tindakan yang bersesuaian dalam pengurusan landskap rangkaian ini.

Maklumat daripada *Environmental Impact Assessment Report (Phase 2)* mendapati bahawa jajaran laluan ECRL bagi negeri Selangor bermula dari selatan Pahang iaitu dari Karak – Pelabuhan Klang (North Port). Pembinaan jajaran laluan ECRL di Negeri Selangor merupakan projek Fasa Kedua (2). Pembinaan laluan ini dikategorikan kepada tiga (3) jenis laluan rel iaitu laluan bawah tanah (terowong), atas tanah dan jejantas (bertingkat). Bagi jajaran laluan yang melalui HSK, jenis-jenis laluan rel adalah seperti berikut:

Bil	Nama Hutan Simpan	Keluasan (Ha)	Panjang laluan (KM)	Jenis jalan
1.	HS Ulu Gombak	-	6.5	Terowong
2.	HS Templer	-	2.6	Terowong
3.	HS Serendah	-	5.0	Terowong
4.	HS Rantau Panjang	19.6	3.0	Bertingkat /Tana h
	Jumlah	19.6	16.1	

Nota :

Penentuan keluasan kawasan bagi jenis jalan terowong (1–3) hanya dapat ditentukan melalui pelan sebenar yang perlu disediakan oleh pemaju.

Penggunaan rel terowong akan dapat menghindarkan kemusnahan hutan di dalam Hutan Simpanan Kekal di Negeri Selangor. Bagi laluan rel yang melalui HS Rantau Panjang adalah merupakan kawasan Ladang Hutan yang telah diberikan Permit Penggunaan kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).